

## KEPENGARANGAN MU.ANBUCHELVAN DARI PERSPEKTIF TEORI TEKSDEALISME

Manonmani Devi M.A.R Annamalai  
Latha a/p Murugusu

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk meneliti keunggulan kepengarangan Mu.Anbuchelvan terhadap lima kumpulan cerpen yang dihasilkan dari tahun 1971 hingga 2008. Objektif kajian ialah meneliti kehadiran subjek dan persoalan dan menghuraikan perlanggaran dalam kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan. Analisis dilakukan dengan menggunakan teori sastera teksdealisme untuk melihat mutu dan keunggulan teks pengarang. Dua prinsip yang menjadi landasan teori ini ialah prinsip kehadiran dan prinsip perlanggaran. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Hasil daripada kajian, pengkaji mendapati pengarang memanfaatkan pengalaman sendiri, penyelidikan, persekitaran, pembacaan, penglihatan, pendengaran dan latar pekerjaan dalam menghasilkan lima kumpulan cerpen ini. Subjek-subjek yang diutarakan dalam cerpen ialah keluarga, magis, politik dan sejarah. Mu.Anbuchelvan juga telah melakukan perlanggaran dari segi subjek dan persoalan dan aliran. Kajian ini memberi implikasi kepada penyelidik sebagai asas memahami kepengarangan Mu.Anbuchelvan dalam aspek kehadiran dan perlanggaran. Selain itu, kajian ini juga turut membantu khalayak memilih karya-karya yang unggul dan mendorong pengarang mempertingkatkan hasil karyanya untuk mencapai tahap keunggulan.*

Kata Kunci: cerpen, kepengarangan, prinsip kehadiran, prinsip perlanggaran, teori teksdealisme

### PENGENALAN

Karya cerpen merupakan agen perubahan yang sangat penting dalam kesusasteraan Tamil. Ia menggambarkan sesesuai peristiwa yang berlaku dalam sesebuah masyarakat. Pelbagai konflik dan penyelesaiannya dibincangkan dengan bahasa yang mudah dan indah. Cerpen juga menjadi bahan bukti yang menghuraikan dan mengisahkan sejarah purba sesuatu masyarakat serta mengemukakan pelbagai fenomena yang terdapat dalam sesuatu masyarakat. Isu-isu yang diutarakan dalam cerpen berkait rapat dengan realiti kehidupan seharian manusia.

### PERNYATAAN MASALAH

Menurut Ramaiyah (1978), Mu.Anbuchelvan ialah seorang pengarang yang terkenal dan banyak memberi sumbangan kepada kesusasteraan Tamil Malaysia. Beliau mempunyai kedudukan yang tinggi, terhormat dan istimewa. Mu.Anbuchelvan melibatkan diri dalam dunia penulisan sejak tahun 1958. Beliau mempunyai pengalaman berkarya selama 55 tahun dalam bidang kesusasteraan. Beliau telah menerima banyak anugerah hasil daripada penulisan karya cerpennya. Subjek dan persoalan yang dipilih dalam karya beliau adalah pelbagai dan menarik untuk dibaca serta dikaji. Selain itu, beliau juga telah melakukan pelbagai inovasi dalam penulisan cerpennya.

Fokus utama sesuatu cerpen ialah subjek dan persoalan. Karya penulisan cerpen yang baik dipilih berdasarkan subjek dan persoalan yang menarik minat pembaca. Cerpen-cerpen Mu.Anbuchelvan telah menyajikan pelbagai subjek dan persoalan yang bersesuaian mengikut peredaran masa dan mendapat perhatian khalayak. Pemilihan subjek dan persoalan oleh pengarang adalah berdasarkan kepada isu-isu yang berlaku di sekelilingnya dan pengalaman diri sendiri. Pengarang menggunakan pengalaman peribadi, khayalan, penyelidikan, dan bacaan untuk menghasilkan cerpennya.

Menurut Re.Karthigesu (2004), selepas tahun 1995, kualiti penulisan penulis cerpen Malaysia meningkat. Ia disebabkan terdapat penulis-penulis cerpen yang berpengalaman dan sudah matang. Salah seorang penulisnya ialah Mu.Anbuchelvan. Kumpulan cerpen beliau yang berjudul "*Mu.Anbuchelvan Chirukathaigal*" (1998) menjadi bukti dalam pembaharuan teknik, plot cerita dan pandangan sosial. Beliau juga telah melakukan percubaan-percubaan dalam penggunaan diksi, metafora, dan pelbagai aspek struktural bagi menghasilkan perbezaan atau pembaharuan dalam cerpennya.

Menurut Mana Sikana (2012), perlanggaran ialah suatu proses penciptaan dinamik untuk mencari pembaharuan dalam berkarya. Seorang pengarang yang sedar konsep kepengarangannya akan cuba memperbaharui setiap teks yang dihasilkannya. Pandangan penteorinya ini sangat bersesuaian dengan hasil penciptaan pengarang Mu.Anbuchelvan. Hasil cerpennya terus meneroka pembaharuan dari satu cerpen ke cerpen seterusnya. Sebagai seorang pengarang yang berjaya merentasi zaman dan banyak menghasilkan karya dalam hayat kepengarangannya, semestinya beliau memiliki gaya kepengarangan yang tersendiri. Berdasarkan konteks ini, kajian dari aspek kepengarangan bertujuan untuk memperlihatkan kehadiran dan perlanggaran yang dilakukan oleh pengarang dalam karyanya. Aplikasi teori Teksdealisme dalam kajian ini adalah untuk mengkaji pencapaian pengarang Mu.Anbuchelvan dalam penulisan lima kumpulan cerpennya.

### OBJEKTIF KAJIAN

- i. Meneliti kehadiran subjek dan persoalan yang terdapat dalam kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan.
- ii. Menghuraikan prinsip perlanggaran yang tersisip dalam kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan.

## SOALAN KAJIAN

- i. Apakah kehadiran subjek dan persoalan pengarang Mu.Anbuchelvan dalam penulisan cerpen?
- ii. Bagaimanakah prinsip perlanggaran dan prinsip pengukuhan dimanfaatkan oleh pengarang?

## KEPENTINGAN KAJIAN

Melalui kajian ini, pengkaji dapat mengetengahkan hasil karya cerpen Mu.Anbuchelvan dari tahun 1971 hingga 2008. Kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pengkaji lain untuk memahami aspek kepengarangan Mu.Anbuchelvan. Justeru, ia akan dapat membuka minat pengkaji lain untuk melakukan kajian lanjutan berkaitan pengarang Mu.Anbuchelvan. Kajian ini juga dapat mengemukakan kekuatan pengarang dalam penulisan cerpen supaya ia dapat dijadikan sebagai teladan dan sempadan kepada pengarang yang lain. Hasil kajian ini juga akan meletakkan dan menentukan kedudukan pengarang Mu.Anbuchelvan dalam dunia kesusasteraan Tamil. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat membantu pengkaji-pengkaji lain memahami aspek subjek dan persoalan yang diungkapkan oleh pengarang. Diharapkan maklumat yang diperolehi melalui kajian ini dapat membantu pengkaji lain memperluas dan memperdalam kajian tentang aspek subjek dan persoalan penulis-penulis lain secara lebih terperinci. Maka, kajian ini dapat dijadikan sumber maklumat dan rujukan kepada pengkaji yang lain.

## TINJAUAN LITERATUR

Dalam bahagian ini, penelitian terhadap perkembangan penulisan karya cerpen Mu.Anbuchelvan dan kajian-kajian lepas yang mempunyai hubung kait dengan teori teksdealisme dan kepengarangan telah disaring secara terperinci dan rapi.

Pada tahun 2015, Latha Murugusu dalam kajian di peringkat sarjana telah membuat kajian yang bertajuk "*Nilai Kemanusiaan dalam Kumpulan Cerpen Mu.Anbuchelvan dari Perspektif Teori Moral*" di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kaedah kualitatif iaitu kajian kepustakaan dan analisis teks serta teori Moral digunakan untuk mengkaji lima kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan. Sebanyak 14 buah cerpen digunakan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat lapan nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan. Antara lapan nilai kemanusiaan, sebanyak empat buah cerpen mempunyai nilai keinsafan, tiga buah cerpen mengandungi nilai pengorbanan, dan dua buah cerpen mempunyai nilai kasih sayang. Nilai tanggungjawab, nilai pemurah, nilai ketaatan, nilai membantu dan nilai bermaruah hanya ada pada sebuah cerpen. Nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan cerpen ini membawa mesej yang mendalam bagi membina sahsiah diri, keluarga dan masyarakat yang sempurna

Seterusnya, Puvaneswary Virayah telah membuat kajian yang bertajuk "*Mu.Anbuchelvanin Athaikal Chirukathaiyil Kannapadum Manitha Valviyal Iyalamayin Takanggal*". Kajian yang diterbitkan dalam "*An International Tamil Research Quarterly Journal*" pada tahun 2019 ini mengutarakan masalah-masalah yang dihadapi oleh seorang pekerja ladang yang mahu anaknya melanjutkan pelajaran ke universiti serta berjaya dalam kehidupannya. Untuk menunaikan impiannya, beliau dan isterinya sanggup bekerja lebih masa dan menghantar anaknya ke sekolah bandar walaupun sosio ekonominya rendah.

Mohd. Saipuddin Suliman (2016) telah membuat kajian Doktor Falsafah yang bertajuk "*Penerapan Teori Stilistik dan Teksdealisme bagi Menganalisis Puisi Tri-V Abdul Ghafar Ibrahim*" di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pengkaji telah menganalisis puisi-puisi Tri-V (verbal, vokal, visual) ciptaan Abdul Ghafar Ibrahim (AGI) menerusi penerapan teori sastera moden iaitu Stilistik dan Teksdealisme. Analisis pengkaji melibatkan teknik bacaan rapi terhadap empat buah kumpulan puisi AGI iaitu *Tan Si Bulan* (1976), *Tak Tun* (1978), *Yang Yang* (1986) dan *Takkan Hilang* (2008) bagi mengenal pasti prinsip kehadiran, perlanggaran, pengukuhan serta individualisme penyair. Berdasarkan kepada analisis yang dijalankan terhadap kesemua kumpulan puisi AGI, didapati formulasi konsep Tri-V iaitu verbal, vokal dan visual dimanfaatkan secara optimum dalam puisi-puisi. Jejak kepenyairan serta keunggulan keperibadian AGI dalam berkarya diidentifikasi berlandaskan kepada transisi prinsip teori Teksdealisme iaitu kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individualisme.

Pada tahun 2016, Ghazali Din dalam kajian di peringkat Doktor Falsafah di Universiti Pendidikan Sultan Idris telah mengkaji tentang "Kepengarangan Muhammad Haji Salleh Berasaskan Model Proses Kreatif Teks naluri". Pengkaji telah mengaplikasikan teori Teksdealisme dalam mengkaji sajak Muhammad Haji Salleh. Ghazali Din memanfaatkan keempat-empat prinsip teori teksdealisme iaitu kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan keperibadian dalam mengkaji keunggulan penyajak. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tujuh elemen naluri yang menjadi teras untuk memahami peranan naluri dalam kepengarangan pengarang iaitu Naluri Kerohanian, Naluri Kemanusiaan, Naluri Kemasyarakatan, Naluri Keindividualan, Naluri Keintelektualan, Naluri Kealaman dan Naluri Keindahan. Hasil analisis ke atas 742 sajak dalam 10 kumpulan puisi ini menemukan kehadiran elemen naluri yang secara dominan mempengaruhi kepengarangan Muhammad Haji Salleh dalam proses kreatifnya. Elemen naluri yang paling dominan ditemui ialah Naluri Kealaman dan Naluri Keindividualan. Naluri Kealaman hadir dalam 286 buah sajak, Naluri Keindividualan (191), manakala Naluri Keindahan (175), Naluri Keintelektualan (171), Naluri Kemasyarakatan (156), Naluri Kemanusiaan (121), dan Kerohanian sebanyak 28 buah sajak.


## KERANGKA TEORI

Pengkaji memilih kaedah analisis teks sebagai kaedah utama dalam kajian ini. Data kajian yang dikumpul daripada sumber kepustakaan akan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*). Aspek kandungan yang dianalisis adalah tentang kepengarangan Mu.Anbuchelvan dalam penulisan lima buah kumpulan cerpen. Kaedah ini juga digunakan untuk membuat penelitian yang mendalam terhadap lima kumpulan cerpen agar data yang diperolehi lebih tepat dan jitu.

Kajian ini menggunakan teori Teksdealisme yang dicetuskan oleh Mana Sikana. Pengaplikasian teori ini digunakan untuk menilai teks-teks yang ideal, kukuh serta memiliki keunggulan yang tinggi terhadap pengarang tersebut. Teori ini dianggap bertepatan dan relevan dengan tajuk kajian. Dalam hal mengenal pasti proses perjalanan menuju ke tahap yang lebih baik dalam bidang kepengarangan, pengkaji meneliti setiap peristiwa yang berlaku dalam dua tahap dalam konteks kepengarangan Mu.Anbuchelvan iaitu kehadiran dan perlanggaran.

Menurut Mana Sikana (2013), sesebuah teks yang melakukan sesuatu proses diistilahkan sebagai kehadiran. Sesebuah teks tidak terbina hasil tanpa kehadiran-kehadiran pelbagai unsur. Bermula daripada idea, pengalaman, pembentukan teks, penulisan dan penilaian dan kerja kepengarangan semuanya bergerak atas landasan kehadiran. Aspek kehadiran ini dianalisis oleh Teksdealisme daripada tiga perkara iaitu, faktor-faktor, sumber kehadiran, fakta kehadiran di dalam teks dan fungsi serta kesan kehadirannya.

Manakala, Perlanggaran dapat didefinisikan sebagai suatu proses penciptaan dinamik untuk mencari pembaharuan dalam berkarya. Teori Teksdealisme meletakkan perlanggaran sebagai suatu kaedah untuk menganalisis sesebuah teks bagi memperlihatkan sifat-sifat keunggulannya. Seorang pengarang yang sedar konsep kepengarangannya akan cuba memperbaharui setiap teks yang dihasilkannya. Sifat pembaharuan, eksperimental dan pemantapan yang mendukung kelahiran teks-teks moden, pascamodenis dan *avant-garde* dan sebagainya (Mana Sikana, 2013). Kerangka kajian yang dirangka berdasarkan teori Teksdealisme adalah seperti rajah 1 di bawah.



## OBJEKTIF 1

### Meneliti Kehadiran Subjek dan Persoalan yang Terdapat dalam Kumpulan Cerpen Mu.Anbuchelvan

Seorang pengarang perlu mempunyai idea dan pengalaman untuk menghasilkan sesuatu karya yang baik dan membentuk jati diri sebagai seorang pengarang yang berjaya. Sumber idea dan sumber pengalaman sangat penting dalam menghasilkan karya yang baik dan berkualiti. Idea berpunca daripada pelbagai sumber pengalaman seperti pengalaman penulis itu sendiri, segala peristiwa dan kejadian yang berlaku di sekelilingnya, penyelidikan serta bacaan.

Prinsip kehadiran dalam teori teksdealisme adalah peringkat terawal dalam proses menuju keunggulan yang menyediakan jalan rintis dunia penulisan Mu.Anbuchelvan. Sebanyak lima kumpulan cerpen karya Mu.Anbuchelvan dianalisis melalui prinsip kehadiran. Kumpulan-kumpulan tersebut adalah seperti *Thavathin Valimai* (1971), *Thi:pangkal:* (1981), *Mu.Anbuchelvan Citukathaikal:* (1988), *Vil-ithhirukum I:yakkut:taikal* (2001), dan *Arai Nhutta:n:tuc Citukathaikal* (2008). Kajian prinsip kehadiran ini dilakukan daripada tiga perspektif iaitu fakta-fakta yang hadir dan sumber kehadiran, bagaimana fakta tersebut hadir di dalam teks dan fungsi serta kesan kehadirannya (Abdul Halim Ali, 2011).

Dalam konteks kepengarangan Mu.Anbuchelvan, kumpulan cerpen yang dianalisis telah dihadirkan daripada sumber-sumber pengalaman pengarang itu sendiri. Beliau bekerja sebagai ejen insurans UOA, kerja sambilan sebagai pembaca berita bahasa Tamil di RTM dan TV2, ahli politik di bahagian Sentul, editor akhbar *Makal Osai* dan *Malaysia Nanban* (Mu.Anbuchelvan, 2007). Pengarang memanfaatkan dan memasukkan pengalaman-pengalaman sendirinya yang menjadi sumber utama dalam penghasilan karyanya. Sebagai contoh, kepentingan mengambil insurans telah dipaparkan dalam cerpen *Avarkal: Va:l-kita:rkal:* (1971) melalui watak seorang ketua keluarga.

Dalam pada itu, faktor-faktor persekitaran juga telah memainkan peranan yang penting dalam meninggalkan kesan terhadap diri pengarang, masyarakat dan juga kepada karya seperti latar masyarakat dan suasana sekelilingnya yang membentuk corak dalam penghasilan cerpennya. Di samping itu, pembacaan dan penyelidikan daripada epik *Mahabaratham* menjadi sumber sekunder dalam menyampaikan teladan dan panduan kepada khalayak dalam memperbaiki masyarakat. Sebagai contoh, beberapa buah cerpen tentang perang *Kurushetra* dan kesannya telah dimuatkan dalam hasil cerpennya seperti *Avan Vi:ran* (1971) dan *Pa:ti Vi:tu* (2001).

### Kehadiran Nilai Kekeluargaan

Mu.Anbuchelvan memaparkan pelbagai peristiwa dan masalah kehidupan dalam keluarga masyarakat India melalui cerpen *Avarkal: Va:l-kita:rkal:* yang menghadirkan persoalan tentang tanggungjawab seorang suami dalam sehari selepas dia menerima gaji bulanan daripada majikannya. Pengarang telah menghadirkan watak suami dan keluarganya yang memfokuskan kepada kehidupan masyarakat India pada dekad 1970-an. Kehadiran persoalan ini menjadi sumber pengalaman pengarang sendiri yang menjadi ejen insurans secara langsung menyebabkan beliau menyelitkan unsur mengambil insurans dalam cerpen ini. Pengarang yang bekerja sebagai ejen insurans sejak berumur 20 tahun sehingga bersara mengetahui kepentingan mengambil insurans untuk ahli keluarganya walaupun hidup dalam kesusahan.

Pengarang menggambarkan watak suami sebagai seorang yang berani menanggung risiko demi keluarganya. Walaupun suasana kehidupan keluarga yang serba miskin, ketua keluarga boleh menyimpan sedikit wang pendapatannya di bank. Tambahan pula, suami juga menyedari kepentingan pendidikan untuk masa depan anak-anaknya walaupun menghadapi masalah kewangan. Pengarang menggambarkan watak suami dalam cerpen ini memiliki nilai tanggungjawab yang tinggi dan boleh dicontohi. Perkara ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

“Hari ini adalah gaji, hari yang berbeza daripada hari-hari yang lain. Dia tahu keluarganya menunggu kepulungannya. Dia mampu atau tidak, tanggung jawab ini mesti dipenuhi. Dia tahu bila hari gaji semuanya akan datang, termasuk isterinya. Semuanya bercahaya dan mengharapkan sesuatu daripadanya”

(*Avarkal: Va:l-kita:rkal:*, 1971)

Melalui watak suami, pengarang menyampaikan nilai bertanggungjawab yang perlu dimiliki oleh setiap warganegara supaya mereka dapat memainkan peranan yang penting dalam pembangunan dan kemajuan keluarga. Menurut Hussein Hj. Ahmad (1993), dalam sesebuah keluarga India pada umumnya, hubungan sosial yang kuat dianggap sebagai asas kepada pola interaksi dan aktiviti sosial. Secara tradisinya, bapa mendominasi keluarga yang tersendiri daripada satu unit keluarga serumah, bekerja secara usaha sama dan rapat dengan ahli keluarga. Oleh itu, seorang ketua keluarga haruslah bertanggungjawab, bertindak pantas dalam membuat keputusan yang bijak demi keharmonian dan kebahagiaan keluarganya serta pandai menguruskan pendapatannya seperti yang dipaparkan watak suami dalam cerpennya.

### Pemaparan Horizon Sejarah

Mu.Anbuchelvan dalam cerpen *Kodukkap Pitanthavan* menghadirkan persoalan tentang menderma kepada insan yang memerlukannya melalui watak Karnan dan Duryodhanan. Kehadiran subjek ini menjadi sumber penyelidikan dan pembacaan iaitu daripada hikayat *Mahabaratham*. Melalui penyelidikan, pengarang dapat mencernakan kisah-kisah yang terkandung dalam hikayat tersebut. Pesanan-pesanan yang ingin dipaparkan oleh pengarang menjadi teladan hidup kepada khalayak terutamanya kepada masyarakat India.

Pengarang secara langsung membincangkan cara menderma yang berbeza menerusi watak Karnan dan Tharman. Meminta penerima mengambil sendiri harta keperluannya adalah berbeza dengan mendermakan harta dengan tangan sendiri. Watak Karnan dipaparkan sebagai penderma terunggul kerana Karnan adalah seorang pemurah dan penyabar serta memahami unsur menderma secara ikhlas kepada orang lain.

Menurut Aristotle (1941), seorang yang murah hati itu ialah seorang yang tidak membazirkan wangnya; tetapi masih membelanjakan wang semasa perlu dan memberikan wangnya kepada orang lain pada masa dia patut berbuat demikian. Melalui sedutan daripada cerita *Mahabaratham* ini, pengarang mendorong khalayak agar menderma secara ikhlas. Menderma secara ikhlas bukanlah untuk mendapatkan nama bahkan ia berkait rapat dengan kepuasan diri seseorang manusia. Insan yang mempunyai sifat menderma atau menghulurkan bantuan akan dihormati dan disanjung. Menderma juga dianggap sebagai sifat yang mulia; perlu ada pada setiap umat manusia. Perkara ini dapat dibuktikan melalui teks ini.

“Derma kepada orang adalah mulia; manusia selalu memuji orang yang menderma...”  
(*Kodukkap Pitanthavan*, 1971)

### Kehadiran Unsur Magis

Cerpen *Saithan Ve:tham O:thukirathu*, persoalan yang dihadirkan adalah tentang seorang pemuda yang memanggil dan bercakap dengan roh tanpa pengetahuan orang lain. Pengarang menghadirkan persoalan ini melalui sumber pembacaan berserta imajinasinya. Pengkaji mendapati pengarang mempunyai niat positif dalam menyampaikan sesuatu kepada khalayak melalui watak pemuda.

Kematian adalah sesuatu yang pasti akan berlaku kepada manusia dan semua yang bernyawa di muka bumi ini. Tidak seorang manusia pun akan terlepas daripada hakikat ini. Manusia yang telah mati akan menjadi roh. Mu.Anbuchelvan melalui watak seorang pemuda membincangkan tujuan pemuda tersebut bercakap dengan roh terutamanya dengan roh saudara-mara dan kawan rapatnya. Memang sukar untuk mempercayai bahawa manusia boleh bercakap dengan roh dengan tujuan memenuhi keinginan sendirinya. Ini dapat dibuktikan melalui teks berikut:

Sekarang sudah biasa kepadanya untuk bercakap dengan roh.

(*Saithan Ve:tham O:thukirathu*, 1981)

Pada masa kini, segelintir masyarakat India masih mempercayai dengan roh, boleh membantu menyelesaikan masalah terutamanya dari segi kewangan. Percaya roh atau tidak adalah terpulang kepada pandangan dan kepercayaan individu masing-masing. Mana Sikana (2013), berpendapat karya sastera harus memiliki sejumlah moral dan tujuan untuk menyedarkan khalayak. Tanpa mesej, karya itu tidak mempunyai apa-apa pengertian. Pengarang yang prihatin terhadap kebajikan masyarakat telah menyampaikan mesej berguna kepada khalayak supaya berhati-hati dalam cara berfikir, bijak menyelesaikan masalah dan mengambil tindakan serta keputusan secara logik dalam melakukan sesuatu tindakan.

### **Kesedaran Rencam Politik**

Pengalaman peribadi Mu.Anbuchelvan sebagai seorang yang aktif dalam bidang politik banyak mempengaruhi kepengarangannya. Pengarang melibatkan diri dalam dunia politik pada tahun 1979 dan memegang jawatan sebagai naib pengerusi dalam partinya di bahagian Sentul (Mu.Anbuchelvan, 2007). Hasil daripada pengalaman peribadi beliau terserlah dalam cerpen *Oru Yatha:rththava:thiyin Vilakal*. Pengalaman Mu.Anbuchelvan sebagai seorang ahli politik dijadikan bahan rencah dalam menghasilkan sebuah cerpen politik.

Menurut Veerasamy, Loganathan (2006), rakyat sentiasa melihat pemimpin politik yang mewakili mereka sebagai *role model*. Ini bererti rakyat sentiasa ingin melihatkan para pemimpin yang mewakili mereka mengamalkan nilai-nilai murni seperti jujur, amanah, prihatin, bertanggungjawab dan tulus dalam setiap tugas tanpa meletakkan kepentingan diri sendiri. Malahan, Mu.Anbuchelvan menggambarkan sikap segelintir ahli politik yang menggunakan parti untuk kepentingan sendiri melalui beberapa watak ahli politik dalam ceritanya. Mereka menjadikan parti politiknya sebagai platform untuk mengejar populariti dan lupa akan peranan dan tanggungjawab sebagai pemimpin. Ini dapat dibuktikan melalui petikan teks ini:

“Jadi ahli politik, kita berjasa kepada rakyat adalah untuk kebaikan kita.  
Kalau dapat peluang, gunakan saja”

(*Oru Yatha:rththava:thiyin Vilakal*, 1981)

Tugas dan tanggungjawab utama seorang ahli politik adalah untuk berkhidmat kepada rakyat. Justeru, pengarang menyeru kepada ahli politik supaya berkhidmat dengan jujur, ikhlas dan bukan untuk kepentingan peribadi. Dalam pada itu, ahli politik seperti Pandian tidak dapat kekal dalam politik disebabkan tidak dapat menerima sikap ahli politik yang lain dalam partinya. Pengarang menggambarkan watak Pandian yang sedia membantu secara ikhlas kepada rakyatnya tanpa mengharapkan apa-apa balasan. Niat watak Pandian sebagai ahli politik untuk membantu rakyat adalah terpuji malahan untuk mengekalkan dalam politik harus mengetahui selok-belok politik dan ahli politiknya.

### **OBJEKTIF 2**

#### **Menghuraikan Prinsip Perlanggaran yang Tersisip dalam Kumpulan Cerpen Mu.Anbuchelvan**

Prinsip perlanggaran merupakan prinsip kedua dalam teori teksdealisme. Menurut penteorinya Mana Sikana (1996), perlanggaran ialah suatu proses penciptaan dinamik untuk mencari pembaharuan dalam berkarya. Tujuan utama prinsip perlanggaran adalah untuk menunjukkan kesedaran pengarang dalam mencipta karya-karya yang unggul dan dapat memperlihatkan taraf keunggulannya. Dalam diri setiap pengarang wujud keinginan untuk memperbaiki dan memperbaharui setiap karya yang dihasilkannya.

Menurut Mana Sikana (1996), inovatif bererti adanya pembaharuan dalam setiap karya. Setiap teks dan diri pengarang mempunyai ciri khas yang unik dan kreatif. Pendapat ini bertepatan dengan gaya kepengarangan Mu.Anbuchelvan yang berani dan bijaksana dalam melakukan inovasi dalam karya yang dihasilkannya mengikut zamannya. Sifat keberanian Mu.Anbuchelvan telah mencetuskan idea bagi menghasilkan lima kumpulan cerpennya. Kaedah yang digunakan untuk menganalisis dalam prinsip perlanggaran ialah aspek pengekelan dan perubahan dalam cerpen, bagaimana prinsip perlanggaran itu dilakukan oleh Mu.Anbuchelvan dan fungsi serta kesan perlanggaran terhadap penghasilan teks berkenaan. Prinsip ini telah mendorong pengarang untuk berani melakukan perubahan terhadap struktur instrinsik dan ekstrinsik dalam karyanya.

Prinsip perlanggaran yang menonjolkan keberanian Mu.Anbuchelvan dapat dilihat dalam beberapa aspek. Menerusi konteks kepengarangan, pengkaji mendapati Mu.Anbuchelvan telah melakukan perlanggaran dalam penghasilan cerpennya. Untuk melihat sejauh mana prinsip perlanggaran yang telah diterapkan oleh pengarang, pengkaji akan menganalisis setiap satu kumpulan cerpennya dengan teliti. Aspek perlanggaran yang akan dikaji ialah subjek dan persoalan dan aliran dalam teks karya Mu.Anbuchelvan.

## Perlanggaran Subjek dan Persoalan

Pengarang mengaplikasikan pelbagai subjek dan persoalan dalam penceritaannya. Antaranya ialah keluarga, magis, sejarah, politik dan sebagainya. Perlanggaran dari aspek subjek dan persoalan menjadi inti pati kepada Mu.Anbuchelvan untuk mengetengahkan unsur falsafah kehidupan masyarakat India yang kaya dengan simbolisme. Ia mencerminkan jati diri dan sumber pengalaman yang diperoleh oleh pengarang dengan penuh keberanian dalam menghasilkan karya yang bermutu tinggi.

Dalam kumpulan cerpen pertama *Thavathin Valimai* (1971), pengarang membicarakan subjek keluarga dalam masyarakat India di negara ini. Persoalan keluarga yang menjuruskan kepada nilai tanggungjawab dan kasih sayang menjadi fokus utama dalam kumpulan cerpen ini. Didapati Mu.Anbuchelvan lebih menekankan unsur kekeluargaan dalam ceritanya agar ia menjadi titik permulaan pembentukan nilai peribadi dalam kalangan ahli keluarganya. Amalan nilai kekeluargaan akan membentuk generasi yang bertanggungjawab dan sayang-menyayangi sesama ahli keluarga. Nilai kehidupan ini dapat dibuktikan melalui teks petikan berikut:

Setiap petang, saya membawa bekalan kepada ayahnya semasa sedang belajar.  
(*Paasam Pollathathu*, 1971)

“Amutha... adakah hidup kita akan menyeronokkan? Tetapi... saya tidak dapat tahan jika apa-apa rintangan melanda kehidupan kita”.  
(*Tha:ram Tha:yakiral*, 1971)

Kedua-dua buah cerpen ini menyampaikan maklumat kepada khalayak tentang kepentingan nilai tanggungjawab dan kasih sayang terhadap keluarga. Ia memberi kesedaran kepada khalayak supaya mengamalkan nilai kekeluargaan dalam kehidupan seharian. Penerapan ini membimbing seseorang untuk terus bersikap positif dalam apa jua keadaan yang dilaluinya. Secara jelasnya, nilai kekeluargaan akan melahirkan insan yang bertanggungjawab dalam menjalankan amanah bagi mewujudkan rumah tangga yang bahagia. Anggota keluarga juga bersatu dalam satu budaya untuk melakukan aktiviti-aktiviti dalam keluarganya.

Menerusi kumpulan cerpen kedua *Thi:pangkal* (1981), subjek keluarga dikekalkan kerana pengarang menganggap ia merupakan elemen penting kepada kehidupan manusia. Masyarakat adalah cerminan daripada sesebuah keluarga. Segala kejadian, peristiwa, budaya dan amalan dalam keluarga mencerminkan sesebuah masyarakat. Nilai-nilai kekeluargaan yang baik mahupun buruk bermula daripada sebuah keluarga dan akan beralih kepada masyarakat. Menyedari kepentingan nilai kekeluargaan yang berpotensi mengubah minda masyarakat, pengarang memilih dan mengekalkan subjek keluarga dalam kumpulan cerpen ini. Persoalan keluarga seperti nilai pengorbanan dibincangkan melalui watak-watak dalam cerpennya. Pengarang mengemukakan pengorbanan ketua keluarga dalam membesar dan mendidik anaknya sehingga maju dalam kehidupannya. Sikap ambil berat ayah dapat dibuktikan melalui beberapa petikan teks berikut:

Selepas kedai ditutup, buat kerja sambil di kedai Kadhir. Mempelawa dan menghantar makanan, mengelap meja, mencuci pinggan ...  
(*Thipangkal*., 1981)

Untuk menampung kos perbelanjaan ini, berkorban sedikit dalam Makanan harian atau mencari satu lagi kerja di ladang.  
(*At:taikal*., 1981)

Daripada petikan di atas, dapat dirumuskan bahawa nilai kekeluargaan iaitu pengorbanan dan tanggungjawab digambarkan secara mendalam melalui watak ayah dalam cerpennya. Didapati, Mu.Anbuchelvan sangat peka dan fokus kepada persoalan pendidikan dalam karyanya kerana beliau beranggapan bahawa taraf kehidupan sesebuah keluarga akan berubah jika anak-anak mendapat pendidikan yang sempurna. Pengarang melalui watak ayah dapat memberikan kesedaran kepada khalayak tentang kepentingan pendidikan dan pengorbanan ketua keluarga dalam meningkatkan taraf pendidikan anak.

Perlanggaran pertama yang dilakukan oleh pengarang ialah berkenaan subjek politik. Dalam beberapa buah cerpen, pengarang mewacanakan subjek ini secara tegas. Sesuatu yang istimewa pengarang dalam hayatnya ialah terlibat dalam dunia politik. Pengalaman berharga ini dicitrakannya dalam karyanya *Oru Yatha:rththava:thiyin Vilakal*:. Pengalaman pengarang ialah beliau pernah bertugas sebagai naib pengerusi dalam parti politik di Sentul. Keperitan dan dugaan serta rintangan yang dihadapinya semasa dalam arena politik dipaparkannya melalui watak Pandian, sebagai mewakili diri pengarang sendiri. Konflik dalam politik menyebabkan Pandian meletakkan jawatannya. Sikap segelintir ahli politik yang mementingkan diri sendiri itu dapat dibuktikan melalui teks ini:

“Demi kepentingan sendiri ... abang, adik, kawan karib dan orang tersayang ... akan dibunuh tanpa belas kesihan. Apa yang ada dalam jawatan ini ...”

“Masuk parti, berjasa untuk rakyat adalah untuk kepentingan kita sendirike?  
(*Oru Yatha:rththava:thiyin Vilakal*, 1981)

Petikan di atas menunjukkan salah satu penceritaan dengan memaparkan subjek pemerintahan politik di negara ini. Keberanian Mu.Anbuchelvan mengemukakan subjek pemerintahan politik yang bergelut dengan pemikiran masyarakat dapat dilihat melalui cerpen tersebut. Pengarang berjaya menyampaikan mesej dan kritiknya terhadap pemimpin yang sanggup menggadaikan masa depan rakyat demi kepentingan diri sendiri dan mengejar populariti serta kemewahan diri.

Pengarang juga mendapati terdapat segelintir masyarakat yang bermain dengan isu perkauman atas kepentingan politik, diri sendiri mahupun keturunan. Perkara ini yang menyedihkan dirinya dan mengambil langkah drastik untuk mengundurkan diri

dari arena politik. Perkara ini merupakan pelanggaran terbesar dalam hidupnya kerana secara konvensional, seseorang pemain politik amat sukar untuk melepaskan jawatan dalam politik kerana disogok dengan pangkat, kemewahan dan kata-kata manis.

Meneruni kesan pelanggaran, cerpen ini dapat membangkitkan kesedaran kepada ahli politik dan juga khalayak yang ingin melibatkan diri dalam dunia politik supaya mengutamakan kepentingan rakyat dan tidak seharusnya menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri sendiri. Dalam konteks pengarang sendiri, beliau mengambil keputusan untuk meletakkan jawatannya disebabkan tidak dapat menerima hakikat konflik politik negara ini. Pendirian Mu.Anbuchelvan sebagai seorang ahli politik yang ingin berjasa kepada rakyat tidak menjadi kenyataan.

Dalam kumpulan ketiga *Mu.Anbuchelvan Citukathaikal*: (1998), pengarang mengekalkan subjek keluarga dalam karyanya. Keprihatinan Mu.Anbuchelvan terhadap pengendalian subjek keluarga dalam kalangan masyarakat India dapat diperhatikan melalui cerpen *Thot:til Pal-kkam*. Pengarang sangat peka dengan masalah keluarga seperti kesan pengambilan alkohol. Dari segi aspek fungsi dan kesan pengendalian pula, minuman alkohol adalah suatu perbuatan tidak bermoral dan semua agama mengharamkan pengambilan alkohol kerana ia akan memudaratkan kesihatan diri. Individu yang ketagihan alkohol sudah tentu akan melahirkan masyarakat yang sama sifatnya dan akan menjadi sampah masyarakat. Justeru, seorang ayah harus menjadi contoh teladan kepada anak-anaknya dengan mengamalkan nilai hidup terpuji dalam kehidupannya.

Menyedari bahaya pengambilan alkohol, khalayak terutamanya kaum lelaki mula menghindari diri daripada terjebak dalam tabiat ini. Kini, rakyat Malaysia sedar akan kesan negatif gaya hidup tidak sihat dan kepentingan mengamalkan kehidupan sihat yang boleh membawa impak positif kepada diri seseorang. Kesihatan yang baik adalah kekayaan sebenar dan menjadi hajat kepada setiap individu. Pada masa yang sama, pemupukan dan pembentukan gaya hidup sihat terhadap diri anak-anak adalah peranan utama ibu bapa dan harus dimulakan dari rumah.

Perlanggaran kedua pula ialah subjek bekerjasama. Bekerjasama atau saling membantu adalah sangat penting untuk kejayaan diri dan juga orang lain. Amalan bekerjasama adalah nilai murni yang perlu diterapkan dalam diri setiap insan. Masyarakat amat memerlukan nilai ini diaplikasikan dalam kehidupan seharian agar dapat bermanfaat kepada orang lain. Menyedari hakikat ini, pengarang berniat untuk membicarakan subjek ini untuk memberi kesedaran kepada khalayak tentang kepentingan memberi kerjasama dalam kehidupan manusia melalui cerpen *Pathacco:tu*.

Kunci dan penentu kejayaan seseorang dalam apa jua bidang diceburi adalah bergantung kepada kesungguhan dirinya. Semangat gigih mendorong membantu seseorang individu untuk mencapai kejayaan yang diinginkan seperti yang dipaparkan melalui watak Anbalagan dan Bathumalai. Kediaan untuk berkongsi ilmu dan idea secara ikhlas kepada individu yang ingin berjaya adalah sikap positif terpuji yang harus dicontohi daripada watak Bathumalai. Perkara ini dapat dibuktikan melalui teks berikut:

Mencetak buku untuk kamu bukanlah perkara yang susah untuk saya.  
Saya berbuat begitu untuk membuat kamu berfikir”

“Kerja ini yang kamu tahu. Menulis. Kamu berfikir untuk mencetak buku. Awak lakukan itu sepenuh masa, merancang dan lakukan dengan terperinci... apa? Terdapat peluang untuk berjaya jika menjalankan perniagaan sendiri di negara ini...”

(*Pathacco:tu*, 1998)

Menerusi aspek pelanggaran, terkesan akan kepentingan memberi kerjasama kepada individu untuk mencapai tujuan atau matlamat yang ingin dicapainya. Bekerjasama antara satu sama lain membawa kesejahteraan dalam kalangan masyarakat. Memperkukuh kerjasama dan berkongsi maklumat dalam kalangan masyarakat dapat dilihat dalam beberapa situasi di negara ini. Perkara ini dapat menyumbangkan kepada kemajuan dan pembangunan negara.

Dalam kumpulan keempat *Vil-ithhirukkum I:yakut:taikal* (2001), Mu.Anbuchelvan telah mengekalkan subjek keluarga. Pengarang menganggap subjek ini sangat penting kerana ia mencerminkan kehidupan masyarakat India dengan jelas dan nyata. Segala kejadian dan peristiwa yang berlaku kepada seseorang dapat membantu memperbaiki kelemahan diri dan keluarga serta pemikiran masyarakat. Pengarang berharap watak-watak cerpen dapat membantu mengubah minda masyarakat dalam isu golongan tua,

Isu pengabaian golongan warga tua menjadi topik hangat yang diperkatakan dalam kalangan masyarakat negara ini. Pengabaian warga tua ini semakin hari semakin meningkat disebabkan anak-anaknya sibuk mengejar kebendaan dan kekayaan. Sifat mementingkan diri menyebabkan mereka tidak berminat lagi tinggal dengan ibu bapa mereka dan konsep hidup bersama dengan golongan tua semakin berkurangan. Segelintir masyarakat menganggap golongan ini membebankan dan memerlukan wang yang banyak untuk menjaga terutamanya dalam soal kesihatan. Ini dapat dibuktikan dalam cerpen *Ra:mayah*.

“Anak sulung ada bercakap dengan ‘nurse’. Tak dapat cuti. Minggu hadapan datang menziarahi...”

“Minggu hadapan... Ini kali berapa ‘minggu hadapan’

(*Ra:mayah*, 2001)

Didapati, pengarang menyedari warga tua sering terabai dan prihatin terhadap kebajikan mereka lalu mengambil langkah untuk menyedarkan kaum muda supaya pengabaian warga tua ini dapat dikurangkan melalui karyanya. Fenomena ini perlu dihindarkan kerana ia meninggalkan kesan yang mendalam kepada individu yang terabit seperti yang dipaparkan watak Ramaiyah dalam cerpennya. Sentiasa menghormati dan menjaga kebajikan kedua-dua ibu bapa adalah tanggungjawab setiap orang anak.

Anak-anak harus memastikan golongan tua sentiasa mendapat perlindungan yang mencukupi dan jangan membiarkan mereka tinggal keseorangan.

Seterusnya, pelanggaran ketiga pula ialah pemaparan unsur magis. Sebanyak lapan buah cerita magis menjadi pilihan pengarang yang mempunyai niat dan pendapat tersendiri disebalik pemilihan subjek ini. Mu.Anbuchelvan berani mengemukakan persoalan berkaitan kepercayaan masyarakat terhadap animisme, hantu, roh dan makhluk halus dalam cerpen *Vil-iththirukkum I:yakkut:taikal, Meeri, Uca:ppi, Enravathu Oru Naal, Thikulsh Mohini, Kampo:ng Pa:ta:k, Man:nangkt:ti, dan Kasturi*.

Pengarang bertekad untuk mencari pengetahuan yang mendalam tentang kepercayaan terhadap cerita magis untuk dibawa dan dijadikan garis panduan dan teladan kepada diri watak dan masyarakat untuk diaplikasikan dalam penulisannya. Didapati masyarakat turun-temurun sangat mempercayai akan perkara sebegini dan mengamalkan kepercayaannya dalam kehidupan mereka. Keberanian pengarang dalam mengutarakan persoalan sedemikian adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat agar tidak mempercayai sepenuhnya tentang cerita-cerita makhluk halus atau roh.

Pengarang kesal dengan ketidaksedaran segelintir masyarakat yang mengadaikan wang dan tenaga serta kepercayaan tersebut menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka. Antara bukti yang jelas memperlihatkan kepercayaan masyarakat terdapat perkara-perkara sedemikian dapat dibuktikan dalam petikan berikut:

Bomoh mandikan Sundari dengan kemanyan. Renjiskan kunyit terhadapnya; potong limau dan buang empat sudut; Bomoh perhatikan gadis itu dengan pandangan tajam. Oh... begitu? Bomoh bercakap dengan suara hatinya.

(*Thikulsh Mohini, 1998*)

Teks di atas merupakan bukti masyarakat India mempercayai perkara animisme dan menganggap ianya lebih berkuasa. Tanpa disedari, mereka sanggup membelanjakan wang yang banyak untuk memulihkan keadaannya. Dari sudut kesan pula, jika ia berterusan, sesebuah masyarakat akan menjadi lemah dan dibodohkan dan tidak mustahil perkara ini menjadi kepercayaan turun-temurun. Boleh dikatakan kurang didikan agama merupakan punca utama kepercayaan animisme dalam segelintir kalangan masyarakat India.

Meneliti pada fungsi dan kesan pelanggaran, melalui naratif cerita-cerita seram ini, pengarang dapat menyedarkan kaum wanita yang mempercayai bomoh palsu melalui watak Sundari. Cerita-cerita ini menjadi jalan panduan kepada masyarakat untuk memperbaiki kepercayaannya. Ini dapat dilihat dari sudut komen pembaca tentang cerpen *Thikulsh Mohini*:

"*Thikulsh Mohini*", Sundari memarahi bomoh palsu; menjadi pengajaran dan teladan kepada kaum wanita; Ceritanya sangat menarik.

(Peria Ponnu, Negeri Sembilan)

Dalam kumpulan kelima *Arai Nhutta:n:tuc Citukathaikal:(2008)*, Mu.Anbuchelvan telah mengekalkan subjek keluarga. Naratif *Mugavari The:thum Kaditanggal:* dan *Muna:nthigal:* membincangkan persoalan keluarga yang menjuruskan kepada perkahwinan gadis India pada usia muda dan kesan daripada perkahwinan tersebut kepada diri individu dan ahli keluarganya melalui watak Sumathi dan Saratha. Perkara ini dapat dibuktikan melalui teks berikut:

"Bapa kamu dalam keadaan kurang sihat. Tahukah kamu ini? Kamu dijaga dan membela dengan baik. Apabila saya beritahu "jangan beri kebebasan kepada budak perempuan", dia tak dengar kata-kata saya. Tengok keadaan dia, mari menziarahinya".

"Semua sudah habis. Kehidupan kamu sudah hancur"

(*Mugavari The:thum Kaditanggal:, 2008*)

Pengarang yang prihatin terhadap pendidikan wanita ingin menyedarkan khalayak melalui peristiwa dan dugaan yang berlaku kepada watak cerpen selepas menamatkan pelajaran. Usia muda bukanlah usia yang sesuai untuk berkahwin malahan harus menumpukan perhatian dalam pelajaran dan masa depan. Ini kerana, pendidikan yang sempurna akan membawa segala-galanya dalam kehidupan seorang wanita. Perkara ini dapat dibuktikan melalui teks berikut:

"Benarkan adik saya belajar" abang kamu kena pukul dengan samseng yang diupah oleh lelaki itu.

(*Mugavari The:thum Kaditanggal:, 2008*)

Cita-cita bapa yang hantar kamu ke universiti tidak terjadi, kahwin dengan Muniandy menyebabkan tidak dapat menduduki peperiksaan SPM.

(*Muna:nthigal:, 2008*)

Kedua-dua buah cerita ini dapat memberi kesedaran kepada khalayak supaya bijak mengambil keputusan dalam hal perkahwinan terutamanya gadis muda yang sedang belajar. Menumpukan perhatian dalam pelajaran dan kemajuan diri demi masa depan yang cerah adalah perkara yang perlu diutamakan di samping menunaikan impian ibu bapa. Pemilihan pasangan hidup dari segi taraf dan kesesuaian adalah antara perkara yang perlu difikirkan secara bijak kerana masa depan wanita berumah tangga bergantung penuh kepada mereka.

Perlanggaran subjek seterusnya ialah kehidupan manusia melalui naratif *Va: Maraname:* dan *Tholainthu Po:gum Santho:shangkal:*. Kehidupan manusia di bumi ini adalah tidak tentu dan akan menemui ajal pada suatu hari nanti. Malahan,



manusia tidak menerima hakikat ini dan sentiasa menyalahkan takdir. Pengarang yang menyedari perkara ini menggunakan cerpen sebagai garis panduan untuk memberi nasihat kepada khalayak agar memahami dan terus menikmati kehidupan ini sebelum meninggalkan dunia ini.

Hidup di bumi ini sangat indah dan manusia adalah penciptaan Tuhan yang paling unik serta lahir dengan tujuan tertentu. Meninggal dunia adalah suatu yang pasti dan tidak mungkin dielakkan. Kehidupan manusia adalah antara hidup dan mati; pertengahan kehidupannya adalah ditentukan oleh setiap individu dengan cara hidupnya tersendiri. Hakikat ini perlu difahami dan diterima oleh setiap insan. Perkara ini dibuktikan oleh pengarang dalam teks berikut:

“Dia seorang saja akan menangis untuk saya. Itupun untuk berapa hari? Dia akan mula  
Lupakan saya. Lama-kelamaan dia akan balik kepada perkara lama...”  
(*Va: Maraname*., 2008)

Meneliti pada fungsi dan kesan perlanggaran, kehidupan manusia umpama roda yang sentiasa berputar dengan mengandungi suka dan duka. Demi kehidupan ini, manusia bersedia untuk mengharungi pelbagai rintangan dan dugaan yang dilaluinya dan melakukan terbaik kepada diri sendiri dan keluarganya. Khalayak yang memahami hakikat ini tidak akan menyalahkan orang lain dan juga takdir atas ketidaksempurnaan tanggungjawabnya. Kini, kaum muda dapat mempelajari kehidupan daripada pengalaman sendiri, keluarga dan persekitaran serta orang yang berada sekelilingnya. Setiap perkara yang berlaku kepada insan boleh dijadikan sebagai satu pengajaran positif untuk memperbaiki kehidupan. Pengarang berharap dapat menyedarkan khayalak melalui watak-watak cerpennya untuk memperbaiki pemikiran dan sentiasa berfikir positif ke arah memajukan diri demi masa depan.

### Perlanggaran Aliran

Aliran didefinisikan sebagai pegangan, keyakinan, isme atau fahaman yang menjadi dasar penciptaan atau kritikan bagi seseorang pengkarya (Mana Sikana, 2006). Seseorang pengarang seharusnya mempunyai pengetahuan tentang aliran-aliran dalam sastera. Meneliti kepada lima kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan, pengkaji mendapati ada berlaku beberapa perlanggaran aliran. Lazimnya, seorang pengarang akan memilih hanya satu aliran yang sesuai dengan genre, kepercayaan dan gaya penulisannya. Namun, Mu.Anbuchelvan telah mempelbagaikan aliran mengikut zaman dan ceritanya. Aliran-aliran yang diaplikasikan oleh pengarang dalam cerpennya ialah realisme, romantisme, realisme magis dan realisme romantik.

Aliran realisme menjadi pegangan utama pengarang dalam kebanyakan cerpennya. Mu.Anbuchelvan masih menggunakan dan mengekalkan aliran realisme kerana beliau mengutamakan gambaran atau cerminan kehidupan manusia yang sebenar dalam masyarakat India di negara ini. Bahan ceritanya diambil daripada permasalahan-permasalahan yang timbul dalam kehidupan sehari-harian. Segala polemik yang berlaku dalam masyarakat India telah dikutip dan dijadikan santapan kepada khalayak. Menurut Hashim Awang (1997), dalam aliran realisme pelukisan kehidupan itu tidak diidealkan, dan selalunya menyentuh kehidupan masyarakat atau golongan bawahan. Ini dapat dibuktikan melalui beberapa petikan berikut:

Manickam ambil prihatin dengan ladang dan penduduk ladang. Pertama kali masuk  
ke ladang. Jalan ladang tidak menakutkannya. (*Ka:ntha Marangkal*., 1998)

Dua keluarga yang hidup di bawah garis kemiskinan. Pergi melawat sekolah Tamil.  
Tanpa kos perjalanan... menjadi beban kepada Moorthy. (*Thodil Palakkam*, 1998)

Meneliti pada fungsi dan kesan pengekal aliran realisme, karya memainkan peranan yang amat penting dalam mencungkil dan menyatakan permasalahan masyarakat secara mendalam dan menjadi medium untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat sejagat. Pengarang dapat mengupas masalah, kekangan dan dugaan serta rintangan yang dihadapi oleh masyarakat India di negara ini dan membantu mencari jalan penyelesaian secara langsung dan tidak langsung melalui watak cerpennya.

Perlanggaran pertama dalam aspek aliran ialah romantisme atau romantik. Pengarang telah memasuki aliran romantisme atau romantik dalam kumpulan cerpen pertama *Thavathin Valimai* (1971) dan keempat *Vil-ithhirukkum I:yakut:taikal* (2001) melalui cerpen *Avan Vi:ran* dan *Pa:ti Vi:tu*. Kedua-dua naratif cerpen ini adalah adaptasi daripada epik *Mahabharatham*. Aliran romantisme atau romantik menitikberatkan terhadap emosi dan perasaan yang mendalam serta mementingkan imaginasi. Secara amnya, aliran ini dikatakan sebagai sebuah evolusi dalam sejarah. Mu.Anbuchelvan telah memasuki aliran romantisme dengan memaparkan penderitaan yang dialami oleh watak Abimanyu dalam perang *Kurukshetra* yang menentang pihak Gauravagal. Ini dapat dibuktikan dalam beberapa teks berikut:

Seorang di tempat musuh, tumpas senjata dan semua pasukan berdiri dengan seorang,  
tidak kurang api keberanian. Penampilan tidak berkurang. (*Avan Vi:ran*, 1971)

“Dia budak. Seorang. Semua orang kelilingnya untuk bunuh dia, saya tidak dapat  
terima hakikat ini ...” (*Pa:ti Vi:tu*, 2001)

Jika diamati, di sinilah perlanggaran yang paling ketara ditonjolkan oleh pengarang apabila mematkan watak utama dalam cerpen beliau. Seperti kita sedia maklum, kebanyakan kisah penceritaan dalam naratif India jarang mematkan watak hero kerana ia dianggap melanggar aturan konvensional tetapi Mu.Anbuchelvan amat berani menongkah arus dan mencipta

perlanggaran tersebut. Sementara itu, pengarang juga memanfaatkan kisah hikayat sebagai saluran untuk menyebarkan maklumat bagi menyedarkan dan memperbaiki tingkah laku serta pemikiran masyarakat yang hidup dengan sifat-sifat negatif seperti pertengkahan, membalas dendam dan perebutan kuasa dalam politik.

Perlanggaran bagi aliran kedua pula ialah realisme-romantik. Aliran ini diaplikasikan dalam kumpulan cerpen ketiga beliau iaitu *Mu.Anbuchelvan Citukathaikal*: (1998), melalui cerpen *Pirathnithigal* dan *Ya:varukumam*. Kedua-dua buah cerpen ini adalah gabungan daripada cerita sejarah, adaptasi epik *Mahabharatham* dan perbualan antara manusia biasa dengan malaikat maut dan roh. Kehidupan manusia sejagat yang mementingkan diri sendiri dan mengkhianati insan lain menjadi isu utama yang dibicarakan oleh pengarang. Menerusi kedua-dua buah cerpen ini, pengarang berjaya menggambarkan norma kehidupan manusia pada zaman dahulu dan pada masa kini. Didapati zaman berubah malahan sikap segelintir manusia tetap sama iaitu mencari keuntungan diri sendiri dan tidak berfikir tentang kebajikan orang lain. Perkara ini dapat dibuktikan melalui teks berikut:

Berapa lama perang ini akan berlanjutan? Siapa yang kita akan kehilangan?

“Sekiranya anda mempunyai masalah, buang kerjanya. Kami akan uruskannya.”

(*Pirathnithigal*, 1998)

Meneliti pada fungsi dan kesan perlanggaran, kombinasi bahan dan watak sejarah dengan kehidupan manusia sekarang dapat disimpulkan bahawa manusia terlalu terikat-ikot dengan sikap yang mementingkan diri sendiri. Gaya hidup manusia sentiasa berubah mengikut arus zaman tetapi sikap manusia dari dahulu sehingga kini adalah sama. Kesan daripada sikap watak-watak yang mementingkan diri sendiri memberi impak berpanjangan seperti dalam pertempuran *Kurukshetra* yang mengorbankan ramai nyawa termasuklah watak hero Abimanyu lantas memburukkan lagi permusuhan antara Gauravagal dan Pandavargal. Manakala, watak Venu Gopal yang sentiasa jujur dibuang kerja tanpa sebab yang munasabah.

Secara jelasnya, pengarang berharap gabungan bahan sejarah dengan kehidupan manusia zaman sekarang dapat menyedarkan manusia sejagat agar tidak terlalu mengejar kemenangan yang menghancurkan diri orang lain. Kita perlu mengetahui impak negatif yang bakal berlaku sebelum melakukan sesuatu kepada orang lain. Menghancurkan harapan dan masa depan orang yang lebih daripada kita bukanlah suatu perbuatan yang baik. Hidup dan mati manusia adalah pada bila-bila masa maka berbuat baiklah sesama insan dan berlaku adil pada setiap masa. Pepatah India ada menyebut, jika tidak dapat menolong orang lain; jangan mencederakannya. Justeru, sikap mementingkan diri perlulah dihindari demi kepentingan semua pihak.

Perlanggaran aliran ketiga ialah realisme magis. Mu.Anbuchelvan secara sedar melakukan perlanggaran aliran realisme magis dalam kumpulan cerpen keempat *Vil-ithhirukkum I:yakkut:taikal* (2001). Beberapa buah cerpen magis dalam kumpulan ini menjuruskan kepada kepercayaan kepada makhluk halus, hantu, syaitan dan jin. Secara jelasnya, terdapat sebanyak lapan buah cerpen berkaitan dengan cerita-cerita animisme yang terkesan dalam masyarakat India dibicarakan secara terperinci oleh pengarang untuk rujukan semua.

Dalam pada itu, sekitar tahun 2001, didapati masyarakat India sangat mempercayai dengan cerita-cerita animisme, makhluk halus, dirasuk hantu dan menjadikan ia sebahagian daripada kehidupannya. Mereka sangat yakin bahawa animisme lebih berkuasa lalu berjumpa dengan paderi atau bomoh untuk menyelesaikan masalah mereka. Perkara ini dapat dibuktikan melalui teks berikut:

Kedadaan anak yang semakin hari semakin menjadi teruk, ibu bapa berbohong kepada anak perempuannya lalu membawa jumpa dengan paderi. (*Thikulsh Mohini*, 2001)

Sembunyi dalam asap kemenyan, semasa ‘sacred ash’ pada budak itu, tangisan dan jeritannya menjadi bertambah. (*Kampo:ng Pa:ta:k*, 2001)

Setelah meneliti fungsi dan kesan perlanggaran, didapati masyarakat India amat mempercayai bahawa masalah-masalah yang berkaitan perwatakan aneh dalam diri atau ahli keluarga adalah kerana kewujudan roh, rasuk hantu dan makhluk halus. Mereka mempercayai paderi atau bomoh dapat menunjukkan jalan penyelesaian terhadap masalah yang dihadapinya lalu mengeluarkan jumlah wang yang banyak untuk mengubatnya. Akhirnya, mereka baru tersedar akan penipuan dan menyesal dengan perbuatannya selepas kehilangan orang tersayang.

Mu.Anbuchelvan amat prihatin terhadap permasalahan di sekelilingnya dan kecewa dengan sikap masyarakat yang sangat mempercayai dengan amalan animisme. Oleh itu, pengarang bertekad untuk menyajikan masalah-masalah yang dihadapi dan dikesannya agar dapat mengubah minda masyarakat ke arah lebih realistik. Pengarang berharap masyarakat akan peka berhubung perkara sebegini dan tidak tertipu dengan senang pada masa akan datang.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, pengarang memanfaatkan segala pengalaman peribadinya yang pernah dilaluinya semasa zaman kanak-kanak sehingga dewasa dalam menghasilkan karyanya. Selain itu, pengalaman daripada penyelidikan, bacaan dan penglihatan serta pendengaran turut menjadi sebahagian daripada penghasilan karyanya. Pengalaman-pengalaman itu diteliti dan diolah dengan baik sehingga mendatangkan kesan yang mendalam dalam kalangan khalayak.

Tuntasnya, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa Mu.Anbuchelvan berani membuat perlanggaran baik dari aspek subjek dan persoalan dan aliran. Pengarang adalah seorang yang unggul dan sering membuat pembaharuan dalam karyanya walaupun mengekalkan aliran realisme atau konvensional dalam cerpennya. Gaya kepengarangan Mu.Anbuchelvan yang menarik dapat dilihat apabila pengarang berjaya mengangkat permasalahan sehari-hari lalu digarap menjadi sebuah cerpen. Watak-watak diberikan nyawa dan akhirnya meninggalkan impak yang besar kepada khalayak.

Mu.Anbuchelvan juga telah mencipta dan berani melakukan perlanggaran subjek dan persoalan mengikut zamannya. Pengarang bukan sekadar menulis cerita sahaja malahan memahami situasi atau keadaan serta citarasa khalayak untuk menikmatinya. Beliau sedar akan kepentingan perlanggaran subjek yang memberi impak positif kepada khalayak. Keberanian pengarang melakukan inovasi dalam menggalurkan subjek seperti politik, sejarah, magis, dan kehidupan manusia memberi kesan yang besar kepada masyarakat. Perbincangan membuktikan bahawa pengarang peka terhadap masalah masyarakat dan berniat untuk memperbaiki keadaan yang sedia ada melalui karyanya.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2011). *Proses Kreativiti A.Samad Said berasaskan teori teksdealisme*. *Jurnal Melayu*, (6), 153-168.
- Aristotle. (1941). *Nicomachean ethics*. New York: Randon House.
- Ghazali Din. (2016). *Kepengarangan Muhammad Haji Salleh berasaskan model proses kreatif teknaluri*. Tesis ijazah doktor falsafah. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjung Malim.
- Hashim Awang. (1997). *Kritikan kesusasteraan*. Teori dan penulisan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussein Hj. Ahmad. (1993). *Pendidikan dan masyarakat: antara dasar, reformasi dan wawasan*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Latha, M. (2015). *Nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan dari perspektif teori Moral*. Tesis sarjana sastera. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mana Sikana. (1996). *Teori Teksdealisme*. Bangi. Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana. (2006). *Kritikan sastera Melayu moden*. Singapore. Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (2012). *Teori sastera kontemporari. Edisi VIII*. Singapura: Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (2013). *Berdiri di akar diri: Kritikan sastera Melayu moden*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia & Persatuan Penulis Nasional.
- Mu. Anbuchelvan. (1971). *Thavathin valimai*. Kuala Lumpur: Mathan Enterprise.
- Mu. Anbuchelvan. (1981). *Thi:pangkal:*. Kuala Lumpur: Mathan Enterprise.
- Mu. Anbuchelvan. (1998). *Mu.Anbuchelvan citrukathaikal:*. Kuala Lumpur: Nimmi Enterprise.
- Mu. Anbuchelvan. (2001). *Vil-iththirukkum i:yakkut:taikal:*. Kuala Lumpur: Mathan Enterprise.
- Mu. Anbuchelvan. (2007). *Oru puthiya ilakkai no:ki*: Sentul Varala:ru. Kuala Lumpur: Mathan Enterprise.
- Mu. Anbuchelvan. (2008). *Arai Nu:randhu citrukathaikal:*. Kuala Lumpur: Nimmi Enterprise.
- Mullai Ramaiyah. (2005). *Malaysia, Singpura Tamil Ilakiyam*. Tamil Nadu. Mithra Arts & Creations Pvt. Ltd.
- Mohd. Saipuddin Suliman. (2016). *Penerapan teori stilistik dan teksdealisme bagi menganalisis puisi Tri-V Abdul Ghafar Ibrahim*. Tesis ijazah doktor falsafah: Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjung Malim.
- Puvaneswary, V. (2019). *Mu.Anbuchelvanin Athaikal chirukathaiyil ka:napadum manitha va:lviyal iyalamaiyin ta:kanggal*. An International Tamil Research Quarterly Journal. Sultan Idris Education University. 13-16.
- Ramaiyah, M. (1978). *Malaysia Tamil ilakiya varala:ru*. Tamil Nadu. Somanma Pathipagam.
- Re.Karthigesu. (2004). *Malaysia Tham ilakiyam o:r arimugam*. Chennai: Selvam Pathipagam.
- Veerasamy, Loganathan. (2006). *Integriti pemimpin politik jadi perhatian politik: Isu-isu integriti:2000-2008*. Kuala Lumpur: Yeohprinco Sdn. Bhd.

Latha Murugusu  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: lathamurugusu@gmail.com

Manonmani Devi M.A.R Annamalai  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: manonmanidevi@fbk.ups.edu.my